

SPRM ingatkan semua pihak yang terlibat bantu mangsa perpindahan

Jangan seleweng bantuan banjir

Oleh SHAHRINNAHAR LATIB
nahr.latib@utusan.com.my

KUANTAN 26 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengingatkan semua pihak yang terlibat membantu mangsa banjir supaya tidak menyelewengkan segala bantuan yang diberi atau berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum RM10,000 jika didapati melakukannya.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang, Moh Samsudin Yusof menegaskan, pihaknya memandang berat perkara itu kerana akan memberi implikasi seolah-olah kerajaan tidak berlaku adil terhadap mangsa banjir.

“Sebaliknya, masalah itu berlaku akibat sikap segelintir pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membeli barangan tidak bermutu dan berkualiti serta menipu dalam pemberian bantuan tersebut.

“Cara tersebut akan menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan bajet lain membantu mangsa banjir dan akhirnya rakyat juga rugi kerana duit digunakan itu adalah duit mereka juga,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata, pada tahun lalu,

pihaknya menerima laporan daripada beberapa mangsa banjir yang mendakwa tidak mendapat bantuan sepatutnya.

“Bagaimanapun kes ini tidak dibawa ke mahkamah kerana laporan diterima tidak lengkap sehingga sukar pihak kami melakukan pendakwaan,” katanya.

Moh Samsuddin berkata, pihaknya juga telah menghantar surat kepada jabatan terlibat supaya mematuhi tata cara dan kaedah penyampaian bantuan banjir yang ditetapkan oleh kerajaan.

Jelasnya, pihak yang terlibat dalam penyelewengan bantuan banjir boleh didakwa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan yang mana satu lebih tinggi.

Beliau memberitahu, mangsa banjir yang terlibat boleh menyalurkan maklumat sama ada datang sendiri ke pejabat SPRM atau menghantar surat kepada pihaknya.

“Mereka tidak perlu takut kerana kita akan melindungi pemberi maklumat itu di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010,” katanya.



MANGSA pemindahan banjir beratur bagi menikmati makanan tengah hari di Sekolah Kampung Pandan, Kuantan, Pahang, semalam. - BERNAMA